

# 271 murid jayakan Jom Baca 10 Minit di Perpustakaan UMSKAL

NST 27-4-105

LABUAN: Kira-kira 271 peserta telah menjayakan program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), kelmarin.

Mereka terdiri daripada murid Taman Asuhan Kanak-Kanak (Taska) Permata, SK Sungai Lada, SK Sungai Bedaun, SK Bebuloh, SK Layang-Layan, SK Bukit Kallam dan SM Sains Labuan.


Turut memeriahkan program tersebut ialah kakitangan Kolej Matrikulasi Labuan (KML) serta mahasiswa Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) dan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI).

Program yang diadakan pada pukul 11.00 – 11.10 minit itu turut mendapat kerjasama daripada Perpustakaan Perbadanan Labuan dan Jabatan Pendidikan Labuan.

Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) Labuan, Awang Marten Abd Rahman yang mewakili Pengarah Pendidikan Labuan, Raisin Saidin dan Pustakawan Kanan, Baharin Entoh turut menghadiri program yang julung-julung kalinya diadakan itu.

Baharin berkata program itu juga dijalankan serentak di beberapa kelas yang menyertai Jom Baca 10 Minit di setiap Fakulti dan Pusat.

Program itu diadakan untuk menggalakkan sikap minat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia khususnya murid dari peringkat Tadika hinggalah institusi pengajian tinggi (IPT). - OLEH JAINUDIN DJIMIN



JAYAKAN ... Zamri (dari kanan) bersama Awang Marten (dua kiri) dan Baharin turut menjayakan program Jom Baca 10 minit di Perpustakaan UMS Labuan, kelmarin.



JOM BACA ... Sebahagian murid yang menjayakan program Jom Baca 10 minit di Perpustakaan UMS Labuan, kelmarin.

batan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan.

Kesemua penerima anugerah telah menerima sijil penghargaan dan hadiah prestasi berjumlah RM1,000 dalam bentuk Sijil Simpanan Premium.

Antara lima penerima awal yang diumumkan menaiki pentas untuk menerima sijil kecemerlangan itu ialah Ketua Sektor SPPK, Jabatan Pendidikan, Selamat Dalimin, Guru Besar SK Pantai, Jumat Latif, Ketua Unit Jabatan Pendidikan, Mohd Nizam Yasim,